

IPTS diberi kuasa larang e-rokok

Putrajaya: Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah diberi kuasa penuh jika ingin menguatkuasakan larangan rokok elektronik (e-rokok) atau vape di kampus masing-masing.

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kementerian tidak mempunyai dasar berhubung penggunaan e-rokok atau vape.

"Apa juga keputusan saya serah kepada mereka (IPTS) di bawah kementerian, mereka boleh buat keputusan," katanya kepada pemberita selepas majlis konvokeyen ke-32 Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) di sini semalam.

Ismail Sabri diminta mengulas sama ada kementerian berhasrat mengikut jejak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menguatkuasakan larangan penggunaan e-rokok atau vape di kampus mulai 1 Januari tahun depan.

Jumaat lalu, Naib Canselor USIM, Datuk Dr Musa Ahmad, berkata larangan itu dibuat kerana e-rokok adalah qiyas kepada rokok sebenar dan kenyataan pakar menunjukkan ia memudaratkan.

Sementara itu, Timbalan Presiden KPTM Ismail Junuh, berkata pihaknya akan membuat kajian berhubung kesesuaian larangan e-rokok atau vape di kampus kolej berkenaan.

BERNAMA.